PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PERBANKAN

Kedudukan kewangan sistem perbankan kekal kukuh pada suku ketiga. Kualiti aset bertambah baik di samping peningkatan dalam aktiviti pemberian pinjaman oleh sistem perbankan yang terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Tahap permodalan dan keuntungan kekal kukuh walaupun terdapat sedikit penurunan dalam tahap permodalan berikutan penyempurnaan penggabungan antara bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan (penggabungan Bafin). Tahap permodalan dijangka akan mengukuh setelah mengambil kira keuntungan yang telah diaudit.

Tahap permodalan kekal tinggi semasa penggabungan

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan masing-masing menurun kepada 13.8% (-0.5 mata peratusan) dan 11.3% (-0.4 mata peratusan). Ini disebabkan modal asas yang lebih rendah (-RM1.7 bilion) berikutan penggabungan Bafin tersebut dan jumlah aset berwajaran risiko yang lebih tinggi (+RM5.8 bilion) berikutan peningkatan dalam aktiviti pemberian pinjaman.

Kedudukan Modal Kekal Kukuh

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
Modal					
CCR (%)	10.9	11.1	11.0	11.7	11.3
RWCR (%)	13.4	13.8	13.7	14.3	13.8

Keuntungan kekal menggalakkan

Keuntungan sistem perbankan kekal kukuh, dengan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.8 bilion bagi suku ketiga, berbanding dengan RM2.4 bilion bagi suku tahun yang sama tahun lepas. Justeru itu, pulangan tahunan ke atas purata aset dan ekuiti sistem perbankan meningkat kepada 1.3% dan 15.4% (S3 2003 : 1.2% dan 14.3%).

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



Penurunan yang berterusan dalam NPL

Pinjaman tidak berbayar bersih (NPL) berdasarkan klasifikasi 6 bulan terus menurun kepada RM29.1 bilion, yang merupakan 6.1% daripada jumlah pinjaman bersih, tahap terendah selepas krisis Asia (S2 2004: 6.2%). Pembaikan kualiti aset ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan insiden pinjaman tidak berbayar baru dan peningkatan pinjaman dihapus kira. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan juga bertambah baik dan menurun kepada RM38.8 bilion atau 8.1% daripada jumlah pinjaman bersih (S2 2004: 8.4%).